



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 17 APRIL 2021**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|------------|--|---|
| 1. | SUPPLIER, TRADERS WARNED NOT TO HIKE PRICES, NATION/NEWS, NST -7 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 2. | MMEA DETAINS ANOTHER VIETNAMESE FISHING BOAT, NATION, THE STAR -15 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 3. | TUKUN TIRUAN BANTU PELAJAR UMT BUAT KAJIAN PERIKANAN, KOMUNITI KITA, KOSMO -32 | LAIN-LAIN |
| 4. | HARGA AYAM PROSES CECAH RM12 SEKILOGRAM, NASIONAL, BH -14 | |
| 5. | SYOR KELUAR AP IMPORT AYAM SEGAR, NASIONAL, BH -14 | |
| 6. | PPP JANA PENDAPATAN PENEROKA FELDA, NASIONAL, SH -5 | |
| 7. | FOOD FOR THOUGHT, COVER FEATURE, THE STAR -8 | |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Tumpat member of parliament Datuk Che Abdullah Mat Nawi (right) leading the Covid-19 vaccination registration campaign in Tumpat yesterday. PIC BY SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH

Suppliers, traders warned not to hike prices

TUMPAT: Suppliers and traders have been warned not to take advantage of the fasting month and festive season to raise the prices of goods.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Che Abdullah Mat Nawi said increasing the prices of goods would further burden the people.

He said this issue was being closely monitored by the relevant agencies.

"I was told that food, vegetables

and other items from producers to major suppliers are sufficient to meet demand this Ramadan and for the coming celebration.

"I would like to warn traders and suppliers not to take advantage of the season to create artificial shortages of food to force prices to go up.

"There should be no reason for excessive price hikes and they should not cheat customers."

Che Abdullah, who is Tumpat member of parliament, said this

after a house-to-house Covid-19 vaccination registration campaign in Kampung Baru Nelayan here yesterday.

He urged consumers in some states to remain calm and not panic over some traders' decision to hike the prices of goods.

"The authorities are trying to solve the problem so we can celebrate the festival smoothly."

In the two-hour campaign that ended at noon, 150 villagers registered for the vaccination.



Caught: The Vietnamese boat as the MMEA pulls alongside to intercept it in Kudat waters.

MMEA detains another Vietnamese fishing boat

KOTA KINABALU: The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) has seized a Vietnamese vessel with a crew of 20 for trespassing in Kudat waters on Thursday, a day after a similar incident near Mantanani Island.

Kudat Maritime Zone director

Commander Boon Chin Chau said the crew members, aged between 18 and 51, were intercepted about 34 nautical miles from Tanjung Simpang Mengayau in Kudat district.

In a statement yesterday, he said Kudat MMEA apprehended them

for offences under the Fisheries Act 1985 for fishing without the Fisheries director's permission, and under the Immigration Act 1959/63 for not possessing valid identification documents.

"The boat with fishing equipment, fish and the suspects were

brought to the Kudat Maritime Jetty for further investigations," he said.

On Wednesday morning, five Vietnamese fishermen and their foreign vessel were detained and brought to the Sepanggar Maritime Jetty for encroaching near Mantanani Island.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|-------|---------------|------------|
| 17/4/2021 | KOSMO | KOMUNITI KITA | 32 |



MOHD. ZAMRI (kiri) menyampaikan cenderahati kepada **Saiful Lizan** (tengah) pada majlis penyerahan bot nelayan asing sebagai tukun tiruan di Pulau Bidong, Kuala Nerus, Terengganu baru-baru ini.

Tukun tiruan bantu pelajar UMT buat kajian perikanan

PENYELIDIKAN. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menerima dua bot nelayan asing yang telah dilucut hak daripada Maritim Malaysia (APMM) di Stesen Penyelidikan Alami Marin UMT Pulau Bidong, Kuala Nerus, Terengganu baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, Prof. Dr. Mohd. Zamri Ibrahim berkata, penyerahan dua bot nelayan asing itu disampaikan Pengarah Bahagian

Keselamatan dan Pengawasan Maritim, Datuk Saiful Lizan Ibrahim.

Beliau berkata, kedua-dua bot nelayan asing berkenaan telah ditenggelamkan sebagai tukun tiruan di perairan Pulau Bidong.

"Ta bagi membolehkan pelajar dan penyelidik UMT menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkaitan sumber perikanan dan aspek sains marin di stesen tersebut," katanya.

Harga ayam proses cecah RM12 sekilogram

Penjual dakwa kenaikan akibat harga belian tinggi daripada pembekal

oleh Audrey Bernaman, Ryan Shafiq bin Ismail, Nurul Amaniah Subhani, Ahmad Rabbil Zakari dan Hafis Ismailah Bahari
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga ayam proses di sesetengah negeri mencecah RM12 sekilogram dengan penjual mendakwa kenaikan itu disebabkan harga yang sudah tinggi di peringkat pembekal.

Berdasarkan tinjauan, penjual mendakwa harga ayam basah mengalami kenaikan antara tiga hingga enam kali sejak akhir bulan lalu, namun permintaan terhadap makanan itu tidak mengalami penurunan ketara.

Purata harga runcit ayam proses sebelum ini bermula daripada RM6, rata-ratanya yang dijual di pasar raya besar, ma-

nakala harga di luar pasar raya besar atau yang dijual di pasar basah pula antara RM7 hingga RM8 sekilogram.

Di Georgetown, harga ayam segar di pasar basah naik antara RM10.50 hingga RM12 setiap kilogram dan didakwa meningkat sekurang-kurang enam kali atau sekitar 30 sen untuk setiap kilogram sejak hujung bulan lalu.

Peniaga ayam, A T Lim, 40-an, berkata mereka tidak pasti punca kenaikan harga bekalan yang diterima daripada pembekal sehingga RM9.50 sekilogram, malah ada masanya mencecah RM10 sekilogram.

"Banyak kenaikan sejak bulan lalu dan kami tiada pilihan selain menetapkan harga runcit pada RM10.50 sekilogram atau lebih tinggi lagi. Kami memang menyaksikan beberapa kali kenaikan harga setiap Ramadan, tetapi kali ini yang tertinggi," katanya.

Di Johor Bahru, tinjauan di pasar basah di Skudai mendapati harga ayam segar antara RM6 hingga RM8 sekilogram dengan sekor ayam proses saiz sederhana dijual purata RM19 sekilogram. Ia berbeza dengan harga pada awal Ramadan, iaitu RM3.50 sekilogram dengan sekor ayam segar sederhana an-



Tinjauan harga ayam di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu didapati naik secara mendadak sejak hari pertama Ramadan.

(Foto Ghazali Kori/BH)

tara RM18 hingga RM20.

Peniaga, Ramli Zakaria, 37, berkata bekalan ayam masih mencukupi dan permintaan juga tidak berubah setakat ini dengan setiap hari pasti ada pelanggan membeli.

"Mungkin pelanggan faham ia (harga) bergantung kepada harga borong semasa. Berikutan pandemik COVID-19, pelanggan cenderung mendapatkan barang mentah kerana lebih menjimatkan," katanya.

Di Ipoh, rata-rata peniaga ayam di bandar raya berkenaan mendakwa mereka tiada pilihan dan terpaksa menaikkan harga berdasarkan harga diperolehi daripada pembekal.

Peniaga banya mahu dikenali sebagai Mat, 50, ketika ditemui di Pasar Ayam Amanjaya, berkata ayam yang diperolehnya daripada pemborong mengalami kenaikan sebanyak enam kali sejak awal bulan.

"Bayangkan untuk bulan ini saja, harga ayam dibekalkan

pemborong naik enam kali, termasuk dua kali sebelum puasa. Hari ini (semalam), kali kedua harga borong naik dalam Ramadan. Setiap kenaikan adalah 30 sen dan kita memperoleh harga kos RM7.80 sekilogram, jadi saya terpaksa jual pada harga RM9.50 sekilogram," katanya.

Di Alor Setar, rata-rata peniaga ayam yang ditemui memaklumkan harga ayam naik sejak seminggu lalu dan jangka terus meningkat berikutan permintaan tinggi di pasaran. Antara alasan kenaikan itu adalah harga dedak ayam yang meningkat, selain kos memproses terutama selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tinjauan di Pasar Besar Alor Setar mendapati kebanyakan peniaga ayam meletakkan harga antara RM7.90 hingga RM8.90 sekilogram.

Pengerusi Pasar Besar Alor Setar, Fauzi Sharif mengakui

berlaku kenaikan harga ayam, namun katanya, ia masih terkawal.

Di Kuala Terengganu, harga sayuran juga dilaporkan naik sejak kelmarin, antaranya sawi, salad dan tomato. Tinjauan mendapati sawi dijual pada RM7 sekilogram berbanding RM4 sebelum ini, salad kerinting daripada RM4 sekilogram meningkat sehingga RM15, manakala tomato naik RM1 daripada RMA sekilogram.

Peniaga, Siti Khatidah Muda, 46, berkata dia terpaksa menjual pada harga tinggi selepas menerima harga yang tinggi daripada pembekal.

"Kami terima daripada pembekal dengan harga sudah tinggi, mustahil untuk kami mengekalkan harga seperti biasa. Mahu atau tidak, terpaksa jual pada harga sepatutnya, sesuai dengan keuntungan yang wajar kami peroleh, iaitu RM1 hingga RM2 untuk sekilogram," katanya.

Syor keluar AP import ayam segar

Kuala Lumpur: Pengeluaran permit import (AP) bagi membawa masuk bekalan daging ayam segar ke negara ini perlu dipertimbangkan oleh kerajaan bagi menangani kenaikan harga makanan keperluan itu setiap kali Ramadan dan menjelang perayaan.

Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Dr N Marimuthu, ketika mengemukakan syor itu, berkata langkah berkenaan jika dilaksanakan, akan dapat menstabilkan harga ayam yang kini dilaporkan meningkat dengan ketara.

Katanya, harga sesuatu pro-

duk bukan sahaja dapat ditabalkan, malah boleh turun jika ada lambakan dan ia tidak terkecual bagi ayam.

"Kenapa kita tidak bagi saja AP untuk import ayam sedangkan kita tahu setiap kali tiba musim perayaan, permintaan untuk daging ayam meningkat. Ayam juga sumber protein utama rakyat Malaysia dan ia akan sentiasa menjadi keperluan.

"Maka, saya rasa pelik kalau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak menyediakan sebarang pelan untuk menstabilkan

dan menangani kenaikan harga ayam," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, tidak menolak kemungkinan ada pihak tertentu cuba mengambil kesempatan mengaut keuntungan ketika umat Islam menyambut Ramadan.

"Satu perkara tidak patut berlaku bila ada laporan harga ayam naik mendadak. Kalau kelmarin dijual sekitar RM9 sekilogram, hari ini dah sampai RM12 sekilogram. Mesti ada berlaku pencatutan

dalam isu ini, yang mana ada pihak cuba ambil untung lebih," katanya.

Belliau juga mengesyaki ada pembabitin rangkaian penggiat industri atau kartel yang mungkin merancang mengaut untung tinggi dalam keadaan rakyat memerlukan.

Ditanya sama ada pemberian AP mampu mengatasi kenaikan harga atau tindakan manipulasi pasaran ayam oleh pihak tertentu, Rosol mengakui itu antara satu cara dan KPDNHEP akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Kenapa kita tidak bagi saja AP untuk import ayam sedangkan kita tahu setiap kali tiba musim perayaan, permintaan untuk daging ayam meningkat



Dr N Marimuthu, Presiden FOMCA

PPP jana pendapatan peneroka Felda

Sebanyak 130 projek bernilai RM24 juta diluluskan di bawah Program Pembangunan Peneroka

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA LUMPUR

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) sehingga kini telah meluluskan sebanyak 130 projek bernilai hampir RM24 juta di bawah Program Pembangunan Peneroka (PPP) yang memperuntukkan dana keseluruhan RM1 bilion.

Pengarah Jabatan Pembangunan Pertanian dan Ternakan Felda, Hasrin Ismail berkata, projek itu meliputi pelbagai tanaman kontan dan bidang ternakan membabitkan 11 Wilayah Felda dari Wilayah Sabah hingga ke Johor. "Jumlah peneroka yang terlibat dalam PPP ini secara keseluruhannya hampir 24,000 orang.

"Antara wilayah yang aktif dari segi penyertaan adalah Wilayah Terengganu yang merangkumi pelbagai projek dan antara yang utama melalui projek ternakan kambing tenusu iaitu satu bidang yang baharu kita teroka di peringkat PPP," katanya pada wawancara eksklusif bersama *Sinar Harian* di Menara Felda di sini pada Khamis.

Hasrin berkata, projek ternakan kambing tenusu itu cetusan Pengerusi Felda, Datuk Seri Idris Jusoh yang mahukan Felda terlibat secara terus dalam pengeluaran susu kambing di negara ini.

Beliau menjelaskan, pelaksanaan projek di bawah PPP terbahagi kepada tiga konsep iaitu projek peneroka, projek komersial rintis dan model baharu bersama Agrobank.

Katanya, menerusi projek peneroka, pembaharuan dilakukan bermula 1 April lalu apabila Felda menetapkan projek berdaya maju yang boleh dijalankan peneroka melalui pakej yang disediakan.

"Melalui pembaharuan yang kita buat, kita tidak lagi fokus pada geran RM2,000 sebaliknya menasaskan setiap projek yang dibuat itu mampu memberi pulangan pendapatan kepada peneroka sekurang-kurangnya RM500 sebulan. Nilai geran yang diberi pula bergantung pada projek yang mahu dijalankan," katanya.

Dalam pada itu, Hasrin turut memaklumkan konsep pelaksanaan projek

peneroka itu terbahagi kepada dua kategori iaitu plasma melibatkan peneroka secara individu dan badan atau koperasi yang menumpukan projek bernilai tinggi atau berskala besar yang dicadangkan pihaknya dengan geran lebih RM100,000 bagi setiap permohonan.

Katanya, menerusi konsep projek peneroka, kategori badan atau koperasi, Felda menasaskan ia akan memberi pendapatan kepada peneroka dalam bentuk pulangan dividen tahunan sebanyak RM1,000.

Sementara itu, beliau berkata, konsep projek komersial rintis pula sudah dimulakan di Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan dan pihaknya menasaskan setiap wilayah akan menjalankan sekurang-kurangnya satu projek komersial rintis berkenaan.

"Dalam konsep komersial rintis kita jemput pelabur-pelabur luar masuk ke dalam rancangan kita untuk melabur dan pada masa sama mereka dapat membangunkan peneroka kita dan berkongsi kepakaran," katanya.

Susulan itu, katanya, sebanyak lima projek komersial rintis lagi akan dibuka Felda tahun ini antaranya di Wilayah Johor Bahru iaitu di Felda Pasak, Wilayah Segamat (Felda Ayer Hitam), Wilayah Trolak (Felda Besout), Wilayah Jengka (Felda Ulu Jempol) dan Wilayah Sahabat.

Projek besar

Menurut Hasrin, projek model baharu PPP bersama dengan Agrobank pula bersaiz lebih besar berbanding projek peneroka.

"Sebelum ini bagi projek dengan peneroka nilainya mungkin sekitar RM10,000 bagi plasma tetapi bagi kategori plasma di bawah usahasama dengan AgroBank ini, nilai projek yang ditawarkan menjangkau RM20,000 hingga RM25,000.

"Apabila nilai projek besar, sudah tentulah ia akan menjanjikan pulangan pendapatan yang lebih besar kepada peneroka dan kita sasarkan untuk projek Agrobank ini setiap peneroka akan dapat pulangan pendapatan secara bulanan RM1,000," katanya.

Hasrin berkata, projek ini juga merangkumi dua kategori iaitu plasma dan badan atau koperasi.

Ujarnya, untuk projek berkenaan, Felda telah mengenal pasti tiga jenis tanaman yang akan diusahakan iaitu nanas MD2, cili fertigasi dan halia muda.

"Berbeza dengan pelaksanaan konsep projek peneroka, program bersama Agrobank ini kita ada senarai operator yang akan bekerjasama dengan kita.



Salah seorang anak peneroka Felda memetik ikan tilapia.



Melalui PPP, peneroka mengusahakan tanaman kontan dan penternakan seperti amab.

"Operator ini adalah pihak industri dari luar yang telah mahir atau diiktiraf dalam bidang mereka sendiri. Contohnya kalau nanas MD2 kita akan ada kerjasama dengan syarikat pengeluar nanas varieti itu yang terbaik iaitu Syarikat Aqina.

"Daripada inisiatif ini, Datuk Seri Idris menasaskan sebanyak 100 koperasi dan 500 peserta Plasma akan menyertainya membabitkan nilai keseluruhan perjanjian RM100 juta," katanya.

Usahawan jutawan

Dalam perkembangan sama, Hasrin berkata, Felda ketika ini juga telah meluluskan pelaksanaan projek ternakan ikan tilapia di beberapa wilayahnya dengan sasaran untuk melahirkan lebih ramai usahawan jutawan dalam kalangan warga peneroka Felda.

Katanya, mengorak langkah ke arah itu, projek penternakan ikan air tawar di Felda Tenggara 2 dijadikan sebagai antara model yang boleh diikuti oleh wilayah lain.

"Felda menyalurkan dana hampir RM500,000 untuk pelaksanaan projek

ini yang akan dijalankan menerusi konsep koperasi. Projek ini yang turut dikendalikan bersama oleh generasi baharu Felda yang merupakan pemilih Tenggara Agroville.

"Selaku pengendali projek, syarikat ini diharap akan dapat menggerakkan projek baharu berkenaan dengan penglibatan peneroka dan membantu Felda berkaitan pemasaran dan pembelian ikan," katanya.

Untuk projek ternakan tilapia di Felda Tenggara 2 itu yang baharu bermula Mac lalu, Felda menjangkakan setiap peneroka akan memperoleh pulangan dividen tahunan sekurang-kurangnya RM1,000 pada tahun ini.

Selain itu, Felda turut menasaskan projek ternakan ikan tilapia Felda Tenggara 2 sebagai model yang boleh dikembangkan ke wilayah lain.

Menerusi usaha tersebut, peneroka akan mendapat manfaat pendapatan secara dividen tahunan.

Secara tidak langsung PPP membantu dalam usaha melahirkan usahawan jutawan dalam kalangan peneroka atau generasi baharu Felda.

AGRICULTURE

By INTAN FARHANA ZAINUL
intanzainul@thestar.com.my

EXCLUDING the cash crop of oil palm, Malaysia's agriculture sector has not excited investors and large corporations. For the longest time, the sector has been dominated by smallholders and hardly has there been any listed company involved in say large scale vegetable farming.

But some changes are happening. For one, the topic of food security has hogged the limelight, egged on by the Covid-19 pandemic.

Consumers have felt rising prices of staples such as vegetables and meat. The supply chain disruption has impacted the import and export of food products.

This in turn, has thrown up opportunities for some.

One group involved in livestock farming has expressed an intention to inject their assets into a listed company looking for a new business, says an investment banker.

"They think the time is right, considering all the focus on food security these days," says the banker.

In another development, large palm oil groups are venturing into agriculture-related businesses, from dairy farming to pineapple and coconut cultivation.

They are planning to do this on a large-scale and as a means to diversify income streams.

Last March, one of the country's largest oil palm players IOI Corp Bhd said it had a five-year plan to plant other crops on some of its land.

The other crops are coconut, durian and pineapple, with the idea of using up to 4% of its land, which works out to around 6,000 ha of land in Malaysia.

The idea is to reduce its dependence on oil palm, while at the same time improving its soil conservation and increasing land output.

Presently, IOI has 177,000 ha of oil palm and only 1,100 ha of rubber and coconut planted areas across its 96 estates.


Another oil palm major diversifying into agriculture is United Plantations Bhd which has gone into banana and coconut plantations as part of its diversification efforts.

FGV Holdings Bhd is also going big into pineapple cultivation. Interestingly FGV is also venturing into dairy farming, a move that has taken some investors by surprise.

Aside from increasing the profita-

Food for thought

As more listed companies take part in agriculture production, the local industry could get an uplift



Moving forward: The agriculture industry must embrace technology such as IoT, AI and big data for future food security. — Agroz Indoor Vertical Farm

bility of its plantation hectareage, FGV says it is tapping into the booming demand for fresh milk and dairy products both in Malaysia and Asean.

Malaysia's fresh milk industry is mainly an import market. According to the Veterinary Services Department, the deficit level for fresh milk has almost doubled from 13.3 million litres in 2014 to 26.1 million litres in 2020.

Other listed companies such as Fraser & Neave Holdings Bhd and Rhone Ma Holdings Bhd have also diversified into the fresh milk and dairy industry to tap into growing demand.

Then, there is The Holstein Milk Co, which owns the Farm Fresh

brand. Holstein, which was founded in 2007 with just 60 cows, now has 3,500 cows in its two farms in Johor and Pahang, according to its website. Its products of milk and yoghurt are sold in supermarkets across Asean. It counts Dymon Asia Private Equity and Khazanah Nasional Bhd as its shareholders and media reports have indicated last year that the company is seeking a listing on Bursa Malaysia.

Another well-publicised agriculture venture by corporations is the cultivation of durians, largely for the China export market.

Besides hearing anecdotal stories of businessmen and even some foreign parties buying up durian plantations or starting one organically,

one big news was the venture by Royal Pahang Durian.

Topping that story must surely be the entry of former CIMB Group Holdings Bhd chairman Datuk Seri Nazir Razak's investment worth RM18mil in a durian plantation business by acquiring some shares in PLS Plantations Bhd in the latter's placement exercise that took place early this year. PLS said the fund raising was to set up a durian business hub and to expand its existing durian plantation businesses through the cultivation and planting of more durians at the group's existing plantation land and at other third parties' land.

The news came as a surprise especially with Nazir's background

in the banking industry.

Listed agriculture companies

Aside from the oil palm plantation players that are mainly run by government-linked companies (GLCs) and large public listed companies, there are only 15-20 companies out of 900 companies listed on Bursa Malaysia in the agriculture sector.

Many of these companies are in the business of poultry and egg production such as Leong Hup International Bhd, QL Resources Bhd, Lay Hong Bhd and Cab Cakaran Corp Bhd.

This sub-sector is rich in case studies for progressive business models within the agriculture industry, which have expanded beyond the small-scale family farms.

For example, Leong Hup has come a long way from the days of rearing chickens in the family's backyard in Muar, Johor back in the 1960s to become the largest poultry producer in Malaysia today.

Leong Hup was established in 1978 and since then has gone through several mergers and acquisitions to become one of the most diversified poultry players both in Malaysia and in the region.

The group has expanded its reach into Singapore, Indonesia, Vietnam and Philippine markets.


But why can't local businesses involved in fisheries, vegetable and fruit farming as well as the livestock industry grow to a similar size?

One reason is the huge profitability of oil palm cultivation has made the other crops less attractive.

Land issues are a big problem. Astramina Advisory managing director Wong Mui Rong explains: "Many in the food farming industry are cultivating their products on either government land or on short-term leases from landowners. They can't seem to get funding due to the lack of collateral".

Adding to the complication is that land issues are managed at the

Malaysia has been a net food importer for a long time



Source: Department of Statistics, Malaysia

TheStar graphics